



BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

VERIFICATION OF TRAINING (VOT)

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENSIJILAN
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Disediakan oleh

Unit Peperiksaan dan Pensijilan
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Disember 2023

6.16 (a) **VERIFICATION OF TRAINING (VOT)**

6.16.1 **DEFINISI**

Verification of Training (VOT) adalah dokumen pengesahan latihan bagi graduan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.16.2 **PERMOHONAN VERIFICATION OF TRAINING (VOT)**

i. Secara terus ke Bahagian Pengurusan Latihan / Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia

Pemohon boleh hadir sendiri ke ILKKM tempat tamat pengajian atau ke Kaunter Unit Peperiksaan dan Pensijilan, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM. Pemohon yang bergraduat di ILKKM Kuantan dan Kuala Terengganu, boleh memohon di ILKKM Kuala Pilah dan Kubang Kerian.


ii. Wakil / Pihak ketiga

Wakil atau pihak ketiga boleh memohon VOT dengan membawa surat wakil dan dokumen sokongan.

iii. Pos


VOT boleh dimohon melalui pos dengan menyertakan dokumen lengkap*.

- iv. ***Dokumen permohonan yang diperlukan:**
 - a. Borang Permohonan VOT (BPL-KKM/UPP-04 Pin.1/2024)
 - b. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan
 - c. Salinan Sijil / Diploma yang telah disahkan
 - d. Salinan Transkrip Akademik yang telah disahkan
 - e. Salinan Pendaftaran Lembaga yang telah disahkan
 - f. Salinan Passport terkini yang telah disahkan
 - g. Surat Tawaran (sekiranya ada)
 - h. Sampul Surat Pos Laju bagi tujuan pengeposan (sekiranya diperlukan)
- v. VOT akan diproses dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
- vi. Permohonan VOT secara serta-merta yang memerlukan pada hari yang sama **tidak akan dilayan**.
- vii. Permohonan VOT mestilah menggunakan format Yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja. Format lain **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- viii. Kadar bayaran adalah **RM75.00 sahaja**. Bayaran boleh dibuat menggunakan tunai atau kiriman wang / *bank draft* atas nama seperti berikut:
 - a. Bahagian Pengurusan Latihan - "**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**".
 - b. Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia - "**PENGARAH ILKKM**".


- 
- ix. Bayaran yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan. (No Refund Policy)**
 - x. Tarikh pungutan VOT akan dimaklumkan melalui emel rasmi sahaja.
 - xi. Penghantaran VOT melalui pos hanya dalam **MALAYSIA SAHAJA.**

6.16.3 PROSES PENYEDIAAN VERIFICATION OF TRAINING (VOT)

i. Proses Kerja Penyediaan *Verification of Training* - Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia



ii. Proses Kerja Penyediaan *Verification of Training* - Bahagian Pengurusan Latihan



BIL	TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA
1.	Pengarah (IL) / KP&K / KPSUK / KPSU	Terima permohonan dan bayaran daripada pemohon
2.	Pengarah (IL) / KP&K / KPSUK / KPSU	Semak butiran dan pengesahan
3.	SUP / PSUK / PSU	Daftar borang permohonan VOT (BPL-KKM/UPP-04 Pin. 1/2024) dalam Buku Daftar VOT
4.	SUP / PSUK / PSU / PT	Semak dan cetak dokumen VOT pemohon
5.	Pengarah (IL) / KP&K / KPSUK / KPSU	Sahkan dan tandatangan VOT
6.	SUP / PSUK / PSU / PT	Sediakan surat iringan untuk penghantaran VOT dan failkan